



## Program Pembelian VIP tambah pendapatan industri buku

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - Mei 23, 2023 @ 5:38pm  
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2023 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) pada 26 Mei hingga 4 Jun ini, mampu terus memberi impak kepada pendapatan kepada pemain industri.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kota Buku (PKB), Adibah Omar berkata, ini kerana terdapat pelbagai program dianjurkan termasuk terbaharu dikenali sebagai 'Program Pembelian VIP.'

Katanya, program itu membolehkan pihak perpustakaan daripada sekolah kerajaan, swasta, institusi pengajian tinggi (IPT) dan perpustakaan negeri atau daerah membeli buku secara pukal.

"Terdapat satu ruang khas untuk Program Pembelian VIP ini dan sebaik sahaja pihak mereka memberikan senarai buku yang dimahuhan, ia akan terus dihantar selepas PBAKL 2023 selesai.

"Saya yakin program yang julung kali diadakan di pesta buku ini mampu menambahkan pendapatan pemain industri dengan begitu baik," katanya kepada BH di sini, hari ini.

Adibah berkata, penganjuran PBAKL 2023 yang kali kedua diadakan pada musim cuti persekolahan juga adalah bijak kerana jumlah pembeli meningkat mendadak berbanding tahun sebelumnya.

Katanya, selama 38 tahun PBAKL diadakan pada hari persekolahan penganjur berasaskan jumlah murid dan pelajar sekolah yang datang sebagai rombongan, mampu membuatkan mereka membeli dengan banyak.

"Namun, keputusan yang dibuat mulai tahun lalu untuk menganjurkan ketika musim cuti persekolahan adalah satu keputusan yang tepat.

"Apabila penganjuran ketika musim cuti sekolah, walaupun pengunjung terdiri daripada murid dan pelajar sekolah berkurangan, tetapi kuasa membeli bertambah kerana apabila cuti sekolah, anak-anak tetap datang tetapi dengan ibu bapa mereka yang mempunyai kuasa membeli lebih besar.

"Jadi diharap PBAKL tahun ini akan terus dapat memberi impak besar kepada industri," katanya.

Adibah yakin dengan penawaran produk terkini berkualiti dan harga kompetitif, ia juga mampu menarik ramai pembaca termasuk bagi kategori baharu.

"Apa yang dapat dilihat, PBAKL bukan saja mampu menarik ramai pembaca buku baharu malah mereka juga akan membeli dengan jumlah banyak kerana berpuas hati dengan apa ditawarkan.

"Diharap tahun ini, jumlah pengunjung dan jumlah pembelian akan terus bertambah berbanding tahun lalu," katanya.

Buat julung kalinya, pada PBAKL 2023 akan mengadakan tiga pavilion, iaitu China sebagai Negara Tamu; Sarawak (Negeri Tamu) dan Kementerian Pendidikan (Kementerian Tamu).

Selain itu, ia akan menampilkan 811 reruui termasuk 30 disertai penerbit buku antarabangsa dan 138 pempamer dari dalam serta luar negara.